

Keluarga Anak Kapal Terkejut Berita Pesawat MH17 Terhempas Di Ukraine
Bernamea
July 18, 2014

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Keluarga ketua pramugara pesawat Malaysia Airline (MAS) Penerbangan MH17 yang dilaporkan terhempas di Ukraine, berdekatan sempadan Rusia, terkejut dengan berita mengenai tragedi itu.

Suzana Ismail, 48, adik kepada ketua pramugara Mohd Ghaffar Abu Bakar, 54, yang bertugas dalam pesawat itu berkata keluarganya hanya mengetahui kejadian itu menerusi berita yang disiarkan televisyen.

"Saya dimaklumkan oleh kakak pagi ini selepas dia menonton siaran berita tersebut, sementara anak abang saya yang bekerja di Singapore Airline (SIA) pula menghubungi ibunya (isteri Mohd Ghaffar) untuk memaklumkan kejadian.

"Sehingga kini kami belum dapat kepastian nasib mereka," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Suzana berkata kali terakhir dia bertemu abangnya yang berlainan bapa itu ketika menghadiri majlis perkahwinan anak saudaranya tiga bulan lepas.

Agensi berita antarabangsa telah melaporkan sebuah pesawat Malaysia yang membawa 295 orang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur, terhempas di Ukraine berdekatan sempadan Rusia.

MAS dalam tweet terbaharunya menyatakan ia telah terputus hubungan dengan pesawat itu dan kedudukan terakhir penerbangan itu ialah di ruang udara Ukraine.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054416>